



POLITEKNIK KOTA BHARU
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
KM 24 Kok Lanas
16450 Ketereh
KELANTAN, MALAYSIA



Tel : 09-7889126 / 7889344 / 7889343
Faks : 09-7888739
Laman Web : www.pkb.edu.my
Email: polikb@pkb.edu.my

Ruj Kami : PKB/HHP/500/01/004 Jld.27 (17)
Tarikh : 24 Jun 2025

Tuan/Puan,

PENDAFTARAN DAN LAPOR DIRI PELAJAR BAHARU POLITEKNIK KOTA BHARU SESI I : 2025/2026

Adalah saya merujuk perkara di atas.

2. Tahniah kerana berjaya melanjutkan pengajian di Politeknik Kota Bharu.
3. Untuk makluman, **Pendaftaran Pelajar Baharu Politeknik Kota Bharu Sesi I : 2025/2026** adalah **secara atas talian (online)**, di mana anda dinasihatkan untuk **mencetak Maklumat Am Pendaftaran dan Jadual Bayaran Yuran** untuk maklumat lanjut.
4. Tuan/puan hendaklah **mendaftar secara atas talian (online) dan mencetak Slip Pengesahan Pendaftaran Secara Atas Talian** mulai **27 Jun 2025 sehingga 26 Julai 2025**. Sila Rujuk **Panduan Pendaftaran Pelajar Baru** secara atas talian (online) sebagaimana lampiran 1.
5. Tuan/puan diminta **melapor diri di Politeknik Kota Bharu** pada **tarikh dan masa** seperti yang dinyatakan dalam **Slip Pengesahan Pendaftaran Secara Atas Talian (online)**.
6. Pihak kami ingin memaklumkan sekiranya terdapat percanggahan maklumat dalam borang permohonan dengan sijil asal atau gagal mengemukakan bukti apabila diminta, pihak Politeknik berhak menarik balik tawaran kemasukan ini. Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan, sila berhubung dengan Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Politeknik Kota Bharu di talian 09-7889641/344/126 sambungan 111 atau 110.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(Ts. MOHD HISHAM BIN MAKHTAR)
Pengarah
Politeknik Kota Bharu

MAKLUMAN (INTAKE KE-2)

PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU SESI I : 2025/2026 Semua pelajar

baharu dikehendaki melapor diri di Politeknik Kota Bharu pada:

TARIKH LAPOR DIRI	05 OGOS 2025 (SELASA)	
MASA	8.30 PAGI – 1.00 TGH HARI	8.30 PAGI – 1.00 TGH HARI
PROGRAM	JABATAN KEJ. AWAM JABATAN PERDAGANGAN	JABATAN KEJ. ELEKTRIK JABATAN KEJ. MEKANIKAL
TEMPAT	PUSAT KEGIATAN PELAJAR, POLITEKNIK KOTA BHARU	

TAKLIMAT PENGARAH PKB DENGAN IBU BAPA/PENJAGA PELAJAR BAHARU

Ibu bapa pelajar Baharu Sesi I : 2025/2026 dijemput untuk menghadiri sesi taklimat bersama Pengarah Politeknik Kota Bharu yang akan diadakan seperti ketetapan berikut:

TARIKH		
MASA		
TEMPAT		

- Ibu bapa pelajar boleh meletakkan kenderaan di kawasan **CheckPoint 4 & 5**.
(rujuk panduan pendaftaran)

PROGRAM MINGGU TRANSFORMASI SISWA (MTS)

Semua pelajar baharu Sesi I : 2025/2026 perlu mengikuti MTS mulai 26 hingga 29 JULAI 2025. Taklimat MTS akan diadakan seperti ketetapan berikut:

Tarikh : **26 JULAI 2025 (SABTU)**
Masa : **Bermula 5.00 Petang**
Tempat : **DEWAN JUBLI PERAK(DJP), POLITEKNIK KOTA
BHARU**

- Jadual keseluruhan MTS akan diberikan semasa hari pendaftaran
-



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI



PANDUAN PENDAFTARAN PELAJAR

SESI I : 2025/2026

POLITEKNIK KOTA BHARU



MALAYSIA
MADANI



POLYCC

ISI KANDUNGAN

PERKARA

MUKA SURAT

1.0 Maklumat Am

1.1	Pengenalan	2
1.2	Kemudahan tempat tinggal	2

2.0 Panduan Pendaftaran Pelajar Baharu

2.1	Peringatan Penting	3
2.2	Proses Pendaftaran	4 - 5
2.3	Pakaian dan rupadiri pelajar semasa mendaftar	6
2.4	Pergerakan lapor diri pelajar	7 - 9
2.5	Jadual Yuran Pengajian	10
2.6	Kaedah Bayaran Yuran Pengajian	11 – 14

3.0 Lain-lain

3.1	Inisiatif Program Celik Madani Asb	15
3.2	Bantuan Kewangan	15
3.3	Pinjaman Pendidikan PTPTN	16
3.4	Syarat Simpanan Wajib SSPN	17
3.5	Pembukaan Akaun Simpanan (AL AWFAR)	17
3.6	Rupa Diri Pelajar	17-19

Lampiran

Senarai Semak Dokumen	20 - 21
Garis Panduan Etika Pemakaian Minggu Transformasi Siswa	22
Memo Majlis Sukan Politeknik(MSP)	23-24
Memo Koperasi	25-26

1.0 MAKLUMAT AM

1.1 PENGENALAN

Visi Politeknik Malaysia

Menjadi peneraju institusi TVET yang unggul

Misi Politeknik Malaysia

- i. Menyediakan akses yang meluas kepada program TVET berkualiti dan diiktiraf;
- ii. Memperkasa komuniti melalui pembelajaran sepanjang hayat (PSH);
- iii. Melahirkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang; dan
- iv. Memanfaatkan sepenuhnya perkongsian pintar dengan pihak berkepentingan.

Politeknik Kota Bharu

Politeknik Kota Bharu (PKB) ditubuhkan pada tahun 1985. Pada peringkat awalnya, PKB beroperasi di kampus sementara di Sekolah Menengah Vokasional (Perdagangan) Bunut Susu, Pasir Mas, Kelantan. PKB telah berpindah ke kampus tetap di Pangkal Kalong, Kok Lanas pada tahun 1987. Luas keseluruhan kawasan Politeknik ialah 100 ekar dan dilengkapi dengan segala kemudahan asas yang diperlukan oleh sebuah institusi pengajian tinggi. Lokasi kampus PKB terletak di Kok Lanas, lebih kurang 24 km dari Kota Bharu dan 16 km dari Bandar Machang.

1.2 KEMUDAHAN TEMPAT TINGGAL

Politeknik Kota Bharu menyediakan kemudahan penginapan di Kolej Kediaman pelajar.

- i. Kemudahan Kolej Kediaman disediakan kepada pelajar semester 1 yang memerlukan, manakala untuk semester berikut adalah bergantung kepada kekosongan.
- ii. Pembayaran Yuran Kolej Kediaman hendaklah dijelaskan setiap semester.
- iii. Politeknik hanya menyediakan kemudahan asas di Kolej Kediaman seperti katil, tilam, almari, meja dan kerusi (**bantal, sarung bantal dan cadar tidak disediakan**).
- iv. Pelajar yang menginap di kolej kediaman juga tidak dibenarkan membawa kenderaan ke kolej kediaman.

2.0 PANDUAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU SESI I : 2025/2026


2.1 PERINGATAN PENTING

- 2.1.1 Maklumat anda akan disemak secara terperinci pada hari pendaftaran. Tindakan akan diambil sekiranya anda:
- i. memberi maklumat salah atau palsu semasa permohonan berkaitan dengan:
 - a. Kewarganegaraan
 - b. Keputusan Peperiksaan SPM atau Keputusan Peperiksaan Semester Akhir atau Keputusan Akademik (bagi yang berkenaan)
 - ii. seorang penagih, pengedar atau terlibat dengan sebarang penyalahgunaan dadah.
- 2.1.2 Jika anda terlibat dengan perkara (i) dan (ii), tawaran kemasukan anda ke politeknik akan ditarik balik dan terbatal.
- 2.1.3 Pelajar yang mendapat tawaran program yang disenaraikan di bawah ini, dikehendaki memaklumkan kepada Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Politeknik Kota Bharu dengan SEGERA sekiranya didapati Buta Warna setelah membuat Pemeriksaan Doktor.
- i. Diploma Kejuruteraan Elektrik *
 - ii. Diploma Kejuruteraan Elektrik & Elektronik*
 - iii. Diploma Kejuruteraan Mekatronik*

***Syarat bagi program ini adalah calon tidak buta warna.**

- 2.1.4 Pelajar dikehendaki mencetak surat tawaran terkini di laman web <http://ambilan.mypolycc.edu.my> untuk simpanan sendiri sehingga tamat pengajian.

2.2 PROSES PENDAFTARAN DAN LAPOR DIRI



**2.2.1 SEMUA DOKUMEN DAN PERKARA BERIKUT PERLU
DISERAHKAN SEMASA SESI MELAPOR DIRI DI POLITEKNIK
KOTA BHARU:**

BIL	PERKARA
1.	Slip Pengesahan Pendaftaran
2.	Borang HEP 1 – Borang maklumat Peribadi Pelajar
3.	Borang HEP 2 – Laporan Pemeriksaan Kesihatan
4.	Borang HEP 3 – Perakuan Pelepasan Tanggungjawab
5.	Borang HEP 4 – Kebenaran Ibu/bapa/penjaga untuk rawatan pembedahan
6.	Borang HEP 5 – Aku Janji Pelajar
7.	Borang HEP 6 – Borang Pengesahan Pendapatan
8.	Salinan Slip No Akaun Bank Pelajar
9.	Gambar pasport terkini 2 keping
10.	Kad Pelajar sementara (cetak dari website)
11.	Surat asal tajaan cth: MAIS, MAIP, YTN (jika ada)
12.	Senarai Semak – Lampiran A


2.3 PAKAIAN DAN RUPA DIRI SEMASA HARI PENDAFTARAN

Pelajar hendaklah berpakaian kemas, bersih dan sopan. Pelajar Islam diwajibkan menutup aurat mengikut syarak. Semua jenis pakaian hendaklah tidak menjolok mata seperti pakaian ketat, jarang, pendek, berbelah, nipis dan mendedahkan mana-mana bahagian badan.

- 2.3.1 Berkasut serta berstokin.
- 2.3.2 Rambut mestilah kemas. Rambut pelajar lelaki hendaklah pendek. Paras belakang tidak melebihi paras kolar baju, paras tepi tidak melebihi paras telinga dan paras depan tidak melebihi paras dahi.
- 2.3.3 Pelajar lelaki perlu memakai kameja lengan panjang / kameja lengan pendek atau t-shirt berkolar.
- 2.3.4 Pelajar perempuan digalakkan berseluar panjang bagi memudahkan mengangkat barangan peribadi serta faktor keselamatan ketika menggunakan tangga.
- 2.3.5 Pelajar perempuan Islam perlu membawa **sarung lengan** panjang untuk kegunaan semasa Minggu Haluan Siswa.
- 2.3.6 Pelajar **TIDAK** dibenarkan memakai topi, baju 'T' tanpa kolar, seluar jeans, seluar pendek dan seluar sukan semasa mendaftar.

PERINGATAN:

Pelajar-pelajar yang tidak mematuhi peraturan pakaian dan rupadiri seperti yang dinyatakan di atas TIDAK DIBENARKAN membuat pendaftaran



PARKING

2

1

Pintu
Pagar E

Bengkel
Jabatan
Mekanikal

DJP

Dewan Jubli
Perak

Pintu
Pagar D

6

Kolej
Kediaman
Damai

PARKING

5

PUSAT
KEGIATAN
PELAJAR

BANGUNAN
PENTADBIRAN

4

PARKING

7

Pintu
Pagar C

DH 1

Kolej
Kediaman
Desasiswa
Harmoni

3

DH2

DH 3

2.4 PERGERAKAN LAPOR DIRI PELAJAR BAHARU

Chekpoint 1 Pintu Masuk

- Kenderaan pelajar masuk melalui **Pintu Pagar E**

Chekpoint 2 Parking Kenderaan pelajar

- Tempat parking kenderaan, sementara menunggu giliran pergerakan

Chekpoint 3 Kolej Kediaman Desasiswa Harmoni

- Kenderaan menurunkan pelajar bersama pengiring dan barang keperluan. Hanya pelajar dan ibu atau bapa sahaja dibenarkan turun untuk turunkan barang.
DH 1 – Pelajar Lelaki
DH 2 – Pelajar Perempuan
DH 3 – Pelajar Perempuan

- Kenderaan perlu segera keluar dari kawasan kolej untuk memberi laluan kepada kenderaan lain. Pemandu terus ke parking yg disediakan

- Pelajar perlu menuju ke Kafeteria untuk proses berikut :
Kaunter 1:
Semakan slip pengesahan pendaftaran online.
Pengesahan kehadiran lapor diri.

Kaunter 2:
Pengambilan kunci bilik penginapan.

Kaunter 3:
Kaunter Urusetia JHEP – bagi urusan kes khas (jika ada).

- Pengiring pelajar perlu menuju ke Khemah untuk sesi taklimat waris.

Chekpoint 4 Parking Pentadbiran (Chiller Aircond)


- Lokasi tempat letak kenderaan pengiring

Chekpoint 5 Parking Pentadbiran (Pusat kegiatan pelajar)

- Lokasi tempat letak kenderaan pengiring

Chekpoint 6 & 7 Pintu Keluar

- Kenderaan pengiring keluar menggunakan **Pintu Pagar c.**



PETUNJUK

- 1 Kaunter Pengesahan Kehadiran
- 2 Kaunter Kunci Kolej Kediaman
- 3 Kaunter Urusetia JHEP – bagi urusan kes khas (jika ada).



Laluan Masuk



Laluan Keluar

2.5 JADUAL BAYARAN YURAN PELAJAR BAHARU SESI I : 2025/2026

BIL	JENIS BAYARAN	JUMLAH (RM)	KAEDAH BAYARAN
1	YURAN PENGAJIAN	200.00	Bayar melalui kaedah JomPAY (rujuk panduan dibawah) Biller code: 715722 Ref 1 : No ic pelajar Ref 2 : No telefon pelajar
2	YURAN ASRAMA	RUJUK MAKLUMAT BAYARAN DALAM SPMP	
3	KEPERLUAN PELAJAR BAHARU SESI 1 : 2025/2026	300.00	Rujuk memo Koperasi untuk maklumat bayaran.(m/s 25-26)
4	MAJLIS SUKAN POLITEKNIK(MSP)	25.00	Rujuk memo Majlis Sukan Politeknik(MSP) untuk maklumat bayaran. (m/s 23-24)

Nota:2

- Patuhi arahan ketika membuat pembayaran Yuran Pengajian/Asrama menggunakan kaedah JomPAY.
- Politeknik tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kesilapan yang berlaku dalam proses pembayaran yuran.
- Setiap resit semua bayaran yuran hendaklah dibuat salinan dan disimpan sebagai bukti pembayaran.

2.6 KAEDAH BAYARAN YURAN PENGAJIAN DAN YURAN ASRAMA

- a. Kaedah Bayaran Yuran Pengajian dan Yuran Asrama bagi Sesi I : 2025/2026 adalah menggunakan kaedah ePembayaran JomPAY (**Yuran Pengajian RM200.00 dan Yuran Asrama RM630.00**)
- b. Panduan ePembayaran JomPAY sebagaimana di bawah.

PANDUAN ePEMBAYARAN JomPAY

ePembayaran JOMPAY boleh didapati di semua Perbankan Internet (Perbankan Pilihan Dalam Talian atau Mobile Banking) di Malaysia. Oleh itu, pelajar hanya perlu menggunakan Perbankan Internet sahaja untuk membuat pembayaran yuran. Pelajar yang tiada Perbankan Internet boleh meminta bantuan ahli keluarga dan rakan untuk membantu anda membuat bayaran.

1. Kaedah Kutipan Yuran Pengajian dan Yuran Asrama Sesi I: 2025/2026 menggunakan kaedah ePembayaran JOMPAY daripada Jabatan Akauntan Negara Malaysia ke atas pelajar Politeknik Malaysia telah dilaksanakan bermula Sesi Akademik 1 2021/2022.
2. Pendaftaran pelajar secara online (bagi pelajar baharu) dan pelajar pendaftaran kursus secara online (bagi pelajar senior) boleh dibuat **selepas 2 hingga 4 hari** daripada **tarikh bayaran yuran** mengikut Jadual 1 di bawah.
3. Pelajar **dinasihatkan** membuat bayaran pada **hari Isnin hingga Khamis sebelum jam 5 petang** bagi mengelakkan kelewatan mendaftar.
4. Kadar **Yuran Pengajian** ialah **RM200.00 per sesi**.
5. Semua pelajar **wajib** menjelaskan **Yuran Pengajian** setiap sesi kecuali pelajar yang akan mengikuti sesi Latihan Industri.
6. Kadar **Bayaran Yuran Asrama PKB Sesi I: 2025/2026** bagi **pelajar baharu** adalah mengikut bilangan hari menginap di asrama (kolej kediaman) iaitu **RM630**. Semua pelajar yang dikehendaki melapor diri di kampus Politeknik Kota Bharu perlu menjelaskan yuran asrama (kolej kediaman) terlebih dahulu sebelum hadir pada tarikh yang ditetapkan.

Jadual 1 : Jadual ePEMBAYARAN JomPAY dan Pendaftaran Online dan Semakan di SPMP

ePEMBAYARAN JomPAY		
HARI BAYAR	BAYAR SEBELUM 5 PETANG / HARI BOLEH DAFTAR & SEMAKAN	BAYAR SELEPAS 5 PETANG/ HARI BOLEH DAFTAR & SEMAKAN
ISNIN	RABU	KHAMIS
SELASA	KHAMIS	JUMAAT
RABU	JUMAAT	SABTU
KHAMIS	SABTU	ISNIN
JUMAAT	ISNIN (MINGGU SETERUSNYA)	SELASA (MINGGU SETERUSNYA)
SABTU	SELASA (MINGGU SETERUSNYA)	
AHAD	SELASA (MINGGU SETERUSNYA)	

PANDUAN ePEMBAYARAN JomPAY

Langkah 1: Log Masuk ke mana-mana kemudahan Perbankan Pilihan Dalam Talian atau *Mobile Banking*



The image shows the MyBANK login interface. At the top, there is a blue header bar. Below it, the MyBANK logo is displayed. The main content area is light gray and contains the text "Hello," followed by the prompt "Please key in your username:" and a text input field. Below that, it says "Please key in your password:" and another text input field.

Langkah 2: Pilih JomPay pada menu *Pay Bills*



The image shows the MyBANK dashboard. At the top, there is a blue header bar. Below it, the MyBANK logo is displayed. A navigation bar contains the following menu items: "My Accounts", "Transfer", "Top Up", "Claim", "Mobile", "Pay Bills", and a blue button. The "Pay Bills" menu is expanded, showing a sub-menu with the following options: "Open Payment", "Favourite Payment", and "JomPAY". A mouse cursor is pointing at the "JomPAY" option. Below the navigation bar, the text "Hi TOM TANKS!" is displayed. In the center of the dashboard, there are three buttons: "View Accounts", "Mailbox", and "Special Offers".

Langkah 3: Buat Pilihan Akaun Pengguna dan Isi Maklumat berikut:

- i) Masukkan **Biller Code** bagi PKB : **715722**
- ii) **Reference 1: Nombor Kad Pengenalan Pelajar** (terhad kepada 20 aksara dan tanpa space atau tanda (-) . Contoh: 030408035077
- iii) **Reference 2: Nombor Telefon Pelajar dan** tanpa space atau tanda (-) .
(terhad kepada 20 aksara)
- iv) Jumlah: Berdasarkan Surat Arahan Bayaran Yuran

The screenshot shows the JomPAY payment interface. It includes a 'From' dropdown menu set to 'Select an Account'. Below this, a prompt says 'Please key in the necessary :'. The form contains four input fields: 'Biller Code' with the value '715722', 'Ref-1' with the value '030408035077 - contoh sahaja (sila masukkan no kad pengenalan pelajar)', 'Ref-2' with the value '0139832890 - contoh sahaja (sila masukkan no telefon pelajar)', and 'Amount (RM)' with the value '200'. To the right of the form, blue arrows point from labels to the corresponding fields: 'billercode' points to the Biller Code field, 'rrn' points to the Ref-1 field, 'rrn2' points to the Ref-2 field, and 'amount' points to the Amount (RM) field. At the bottom of the form are 'Cancel' and 'Submit' buttons.

Langkah 4: Menyemak semula maklumat sebelum mengesahkan (CONFIRM) pembayaran

From Account	Savings Account -
Biller Code	715722-PKB
Ref-1	030408035077
Ref-2	0139832890
Amount	MYR 200.00

Langkah 5: *Unique JomPay Reference Number* akan dipaparkan setelah transaksi bayaran berjaya dilakukan.



Status : Successful

From : 745839932 – Savings Account

Biller Code : 715722-PKB

Ref-1 : 030408035077

Amount (RM) : 200.00

Date & Time : 28-FEB-2014 08:17:06 AM

JomPAY Reference No. : 9JD72KF9

Bank Reference No. : 1836008

Annotations on the right side of the form:

- ← billercode and billercodename (points to 715722-PKB)
- ← rrn (points to 030408035077)
- ← amount (points to 200.00)
- ← nbpsref (points to 9JD72KF9)

Pelajar diwajibkan untuk mencetak maklumat bayaran ini bagi tujuan simpanan dan rekod pendaftaran pelajar.

3.0 LAIN-LAIN

3.1 INISIATIF PROGRAM CELIK MADANI ASB

1. Pelajar perlu membuat pengesahan penerimaan tawaran pengajian Diploma Politeknik melalui laman web <https://ambilan.mypolycc.edu.my>
2. Pelajar perlu membuka akaun ASNB secara individu atas nama sendiri selepas membuat pengesahan setuju terima tawaran dan sebaiknya sebelum proses pendaftaran diri di kampus pada 26 Julai 2025.
3. Urusan pembukaan akaun ASNB perlu dilakukan secara atas talian melalui aplikasi MyASNB. Pelajar hanya perlu mendaftar akaun melalui aplikasi tersebut tanpa sebarang bayaran permulaan dan memasukkan kod rujukan 'Celik MADANI' untuk pengkreditan RM50 unit amanah secara percuma.
Nota: Sila rujuk Kit selamat datang ASNB Celik MADANI untuk cara mendaftar dan soalan soalan lazim di pautan:
<https://drive.google.com/file/d/1xoc2EMjvduRb2EY2XIm9qb6V7Cu3iKaj/view?usp=sharing>
4. Selepas berjaya membuka/mengemaskini akaun, pelajar perlu mengisi maklumat berkaitan dan nombor akaun ASNB (UHID) di google form di pautan
<https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLSdYwxXtHRFJWBD3ngvZoj-40Jed6HAVwBuZafvEpGEPS2xiBQ/viewform>

3.2 BANTUAN KEWANGAN

Politeknik Kota Bharu tidak menyediakan sebarang bentuk biasiswa, pinjaman atau bantuan kewangan kepada para pelajar. Oleh itu, para pelajar perlu memohon sendiri untuk mendapatkan biasiswa/pinjaman/bantuan kewangan daripada penaja berkenaan sama ada agensi kerajaan mahupun swasta.

Secara umumnya, bantuan kewangan boleh dikategorikan kepada 3 jenis. Berikut disenaraikan beberapa contoh agensi berkenaan:

Bil.	Kategori	Agensi berkenaan	Maklumat lanjut boleh diperolehi melalui saluran berikut:
1	Biasiswa	Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)	Laman web: http://esilav2.jpa.gov.my/esila_new/pdf/politeknik.pdf Tel : 03-8885 3049
		Kuok Foundation	Laman web: http://www.kuokfoundation.com/study_dc_latest.html Tel: 03-2142 5319

		Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia – Bantuan Kewangan Pelajar OKU	Laman web: http://www.portal.mohe.gov.my/biasiswa/oku-ipt Tel: 03-88844600
2	Pinjaman	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)	Laman web: http://www.ptptn.gov.my/ Tel: 03-2080 4455
		Yayasan Negeri berkenaan	<i>*sila hubungi pejabat Yayasan Negeri berkenaan</i>
3	Sumbangan Zakat	Baitulmal/Pusat Zakat negeri berkenaan	<i>*sila hubungi pejabat Baitulmal/Pusat Zakat Negeri berkenaan</i>

Pelajar boleh merujuk iklan penaja yang dipamerkan di papan notis JHEP dan juga laman web <https://pkb.mypolycc.edu.my/> yang dikemaskini dari semasa ke semasa.

Seorang pelajar hanya dibenarkan menerima **SATU** tajaan sahaja sepanjang tempoh pengajian di PKB. Oleh itu, pelajar dikehendaki memaklumkan kepada Pegawai Biasiswa PKB jika ditawarkan lebih daripada satu tajaan.

3.3 PINJAMAN PENDIDIKAN PTPTN

Pembiayaan pendidikan PTPTN terbuka kepada semua pelajar PKB yang mengikuti pengajian secara sepenuh masa atau separuh masa di peringkat Diploma jika memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan oleh PTPTN.

Permohonan hendaklah dibuat secara atas talian (online) melalui laman web <http://www.ptptn.gov.my/gateway/>

SESI
Sesi I: 2025/2026
(Diploma)

KELOMPOK 1
1 – 31 JULAI 2025

KELOMPOK 2
1 – 31 OGOS 2025

Syarat-syarat permohonan pembiayaan pendidikan PTPTN boleh diketahui melalui laman web: http://www.ptptn.gov.my/gateway/docs/terma%20dan%20syarat_18042011_1.pdf

Pelajar dikehendaki menyediakan perkara berikut untuk memohon pinjaman secara online:

- Mempunyai No. Pin yang boleh diperolehi dari Bank Simpanan Nasional (BSN).
- Membuka akaun simpanan (persendirian – atas nama pelajar sahaja) di BANK ISLAM.
- Mempunyai alamat e-mel (persendirian - @yahoo.com) yang sah bagi urusan rasmi PTPTN

Sebarang pertanyaan lanjut boleh dikemukakan kepada PTPTN di talian 03-2080 4455 atau melalui saluran alternatif di laman web <http://app.mohe.gov.my/forum/> dan <http://icare.ptptn.gov.my/eApps/sdmscasepool/SdmsCasePool/add.do>

3.4 SYARAT SIMPANAN WAJIB SSPN

Selaras dengan pelancaran semula SSPN oleh YB. Menteri Pengajian Tinggi Malaysia pada 20 Julai 2011, dimaklumkan bahawa **mulai 01 Januari 2012**, pelajar yang ingin memohon pembiayaan pendidikan PTPTN diwajibkan mempunyai akaun Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) dengan simpanan minimum sebanyak RM20.00

Pembukaan akaun SSPN melalui laman web <http://www.ptptn.gov.my/> digalakkan untuk memudahkan dan mempercepatkan pembukaan akaun.

3.5 PEMBUKAAN AKAUN SIMPANAN (AL AWFAR) BANK ISLAM BAGI TUJUAN HAL-HAL BERKAITAN KEWANGAN

1. Semua Politeknik dan Kolej Komuniti telah mendapat kerjasama Bank Islam Malaysia Berhad bagi tujuan penyelarasan pembukaan akaun simpanan Al AWFAR Bank Islam.
2. Kepentingan pembukaan akaun simpanan Al Awfar ini adalah bertujuan untuk memudahkan urusan penyaluran elaun aktiviti pelajar serta bantuan kewangan/ pinjaman pendidikan oleh Penaja.
3. Sehubungan itu, calon pelajar perlu membuka akaun simpanan Al Awfar melalui penyelarasan pihak HEP institusi masing-masing.
4. Data pelajar yang mendaftar bagi setiap institusi akan dihantar kepada pengurusan BIMB bagi tujuan pembukaan akaun simpanan.
5. Tiada sebarang deposit permulaan minimum(zero deposit) diperlukan bagi tujuan pembukaan akaun simpanan Al Awfar dibawah penyelarasan Politeknik dan Kolej Komuniti.
6. Satu taklimat oleh pihak BIMB berkenaan pembukaan akaun simpanan Al Awfar akan diadakan pada program Minggu Transformasi Siswa pelajar baharu Politeknik dan Kolej Komuniti.

3.6 Rupa Diri Pelajar Sepanjang Pengajian

Pelajar adalah tertakluk kepada semua peraturan bertulis PKB. Secara umumnya pelajar hendaklah sentiasa berpakaian kemas, bersih, menutup aurat (bagi pelajar Islam) dan sopan. Semua jenis pakaian yang menjolok mata adalah **dilarang**.

3.6.1 Pakaian dan Rupa Diri Pelajar Lelaki

Baju :

- a) Baju kemeja berlengan panjang atau pendek.
- b) Baju T berkolar tanpa tulisan, gambar atau corak yang membawa pengertian liar atau negatif.
- c) Sentiasa dimasukkan ke dalam seluar (tuck-in).
- d) Mestilah sentiasa dikenakan butang/zip dengan sempurna.
- e) Pemakaian baju Melayu (baju Kebangsaan) dibenarkan tetapi hendaklah lengkap sepasang beserta sampung dan songkok hitam.

Seluar :

- a) Seluar 'slack' panjang.
- b) Sebarang jenis seluar 'jeans' atau seumpamanya **dilarang**.

Kasut :

- a) Hendaklah sesuai untuk kerja di pejabat dan berstokin. Kasut sukan dibenarkan.
- b) Selipar, terompah, capal dan seumpamanya **dilarang**.
- c) Kasut yang berladam logam yang berbunyi bising **dilarang**.

Rambut :

- a) Rambut sentiasa pendek dan kemas. Aras belakang tidak melebihi paras kolar baju, aras tepi tidak menyentuh telinga dan aras depan tidak melebihi aras dahi.
- b) Rambut berfesyen seperti 'afro', 'punk', berekor dan diwarnakan adalah **dilarang**.
- c) Tidak botak kecuali yang disyariatkan/berkaitan agama.

Perhiasan :

- a) Sebarang bentuk perhiasan **dilarang** melainkan cincin. Pemakaian cincin emas adalah **dilarang**.

3.6.2 Pakaian dan Rupa Diri Pelajar Perempuan

Baju :

- a) Pakaian yang menutup aurat, bersih, kemas dan sopan bagi semua pelajar Islam.
- b) Pakaian yang menjolok mata adalah **dilarang** (seperti pakaian yang ketat, jarang, pendek, berbelah, nipis dan mendedahkan mana-mana bahagian badan

seperti dada, bahu dan belakang).

- c) Pakaian hendaklah berlengan panjang sampai ke pergelangan tangan.
- d) Labuh baju sekurang-kurangnya menutupi paras punggung.
- e) Pelajar bukan Islam **dilarang** memakai 'skirt' yang lebih pendek dari paras lutut.
- f) Baju T berlengan panjang serta berkolar tanpa tulisan, gambar atau corak yang membawa pengertian liar atau negatif.

Sarung/Maxi :

- a) Labuh, melepasi paras lutut.
- b) Tidak ketat.
- c) Tidak jarang dan berbelah.
- d) Sebarang jenis 'jeans' atau yang seumpamanya adalah **dilarang**.

Seluar :

- a) Seluar 'slack' panjang.
- b) Sebarang jenis seluar 'jeans' atau seumpamanya **dilarang**.
- c) Tidak ketat.

Kasut :

- a) Hendaklah sesuai untuk kerja di pejabat dan berstokin. Kasut sukan adalah dibenarkan.
- b) Selipar, terompah, capal dan seumpamanya tidak dibenarkan untuk dipakai.
- c) Kasut yang berladam logam yang berbunyi bising adalah **dilarang**.

Rambut :

- a) Pelajar Islam wajib memakai tudung seperti yang disyariatkan Islam.
- b) Hendaklah kemas dan beridentitikan seorang pelajar perempuan.
- c) Rambut berfesyen seperti 'afro', 'punk', berekor dan diwarnakan **dilarang**.

Perhiasan :

- a) Tidak digalakkan memakai barang kemas.
- b) Mencukur bulu kening dan solekan yang berlebihan adalah **dilarang**.

LAMPIRAN

1. Borang HEP 1 hingga HEP 6 perlu dilengkapkan. **Setiap dokumen mestilah dicetak pada satu muka kertas bersaiz A4 untuk setiap satu, cetakan tidak boleh dilakukan pada muka hadapan dan belakang helaian yang sama.**
2. Pelajar perlu menjalani pemeriksaan kesihatan di klinik kerajaan / swasta dengan tanggungan sendiri sebelum melapor diri sebagai pelajar Politeknik.
3. Borang HEP 1 hingga HEP 6 yang telah lengkap diisi **hendaklah diserahkan pada hari pendaftaran**
4. **Pegawai yang layak menjadi saksi untuk mengesahkan salinan sijil serta dokumen:**
 - a. Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional / Kumpulan A
 - b. Doktor yang bertugas di Pusat kesihatan Kerajaan sahaja
 - c. Pengetua Sekolah Menengah
 - d. Pegawai Polis berpangkat ASP dan ke atas
 - e. Pegawai Tentera berpangkat Kapten dan ke atas
 - f. Penguasa Penjara, Penguasa Bomba, Penguasa Kastam
 - g. Pengurus Felda atau Pengurus Felcra
 - h. Wakil Rakyat
 - i. Pengamal Undang-undang
 - j. Pesuruhjaya Sumpah
 - k. Jaksa Pendamai
 - l. Penghulu/Penggawa/Ketua Kampung/Pemanca/Ketua Kaum (Sabah & Sarawak)

(Sila pastikan cop pengesahan mesti mempunyai nama dan jawatan serta majikan)

BORANG HAL EHWAL PELAJAR (BHEP 1-6)

Semua calon pelajar adalah dikehendaki untuk melengkapkan Borang Hal Ehwal Pelajar (BHEP 1-6) Politeknik dan Kolej Komuniti

Borang-borang yang perlu dilengkapkan adalah seperti berikut:

Nama : _____
No. Kad Pengenalan : _____
No.Pendaftaran : _____

BIL	BORANG	SEMAKAN (PELAJAR)	SEMAKAN PEGAWAI	CATATAN
1	BHEP 1 Borang Maklumat Peribadi Pelajar			Sila lekatkan gambar terbaru berukuran passport
2	BHEP 2 Laporan Pemeriksaan Kesihatan			Perlu dibuat di Poliklinik atau Hospital Kerajaan/Swasta serta ditandatangani oleh Doktor bertauliah
3	BHEP 3 Perakuan Pelepasan Tanggungjawab i. BHEP 3a Perakuan Pelepasan Tanggungjawab (Ibu/Bapa/Penjaga) ii. BHEP 3b Perakuan Pelepasan Tanggungjawab (Pelajar)			Perlu ditandatangani oleh Ibu/bapa/penjaga dan saksi
4	BHEP 4 Kebenaran Ibu/bapa/penjaga untuk rawatan pembedahan			Perlu ditandatangani oleh Ibu/bapa/penjaga dan saksi
5	BHEP 5 Aku Janji Pelajar			Perlu ditandatangani oleh calon pelajar dan saksi
6	BHEP 6 Borang Pengesahan Pendapatan i. BHEP 6a Borang Pengesahan Pendapatan Bapa ii. BHEP 6b Borang Pengesahan Pendapatan Ibu iii. BHEP 6c Borang Pengesahan Pendapatan Penjaga			Perlu ditandatangani oleh calon/Ibu/bapa/penjaga dan saksi

Semua borang hendaklah **LENGKAP** dan perlu dikemukakan pada hari pendaftaran pelajar baharu.

Senarai Saksi:

Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 41 dan ke atas di Kementerian / Jabatan Persekutuan dan Negeri / Pejabat Daerah / Badan Berkanun/ Wakil Rakyat / Senator / Penggawa / Penghulu / Temenggung / Ketua Kampung / Tuai Rumah / Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK)/ Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JPKKP) / Ketua Kaum / Ketua Masyarakat

**GARIS PANDUAN ETIKA BERPAKAIAN DAN PENAMPILAN MINGGU
TRANSFORMASI SISWA PKB (MTS) SESI I : 2025/2026**

Hari pertama : Pakaian bebas

Hari kedua : Pakaian formal

Hari ketiga : Pakaian sukan

Hari keempat : Pakaian formal

Sesi malam : pakaian bebas dan menutup aurat.

**Kelengkapan pakaian solat: SOLAT BERJEMAAH DI MASJID SEPANJANG MINGGU
TRANSFORMASI SISWA****1. Pakaian formal**

Lelaki:

- Memakai kemeja lengan panjang, bertali leher, seluar slack (bukan seluar jeans) dan berkasut .

perempuan :

- berbaju kurung (tiada pakaian yang ketat dan menjolok mata)
- Tudung berwarna hitam
- berstoking dan berkasut

2. Pakaian bebas

- Pakaian yang menutup aurat
- Seluar longgar
- Skirt panjang , seluar panjang yang longgar(bagi perempuan)

3. Pakaian sukan

- Pakaian sukan yang menutup aurat,
- sopan dan bersesuaian dengan sukan yang diceburi.

Contohnya seperti yang berikut:

Lelaki: T-shirt berkolar dan berseluar panjang/ trek atau seluar yang melepasi paras lutut.

Perempuan: T-shirt lengan panjang, berseluar panjang / trek dan menutup aurat. Pakaianya juga mestilah longgar dan tidak menampakkan susuk badan.



POLITEKNIK KOTA BHARU
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
 KM 24 Kok Lanas
 16450 Ketereh
 KELANTAN, MALAYSIA.



Tel : 09-7889126 / 7889344 / 7889343
 Faks : 09-7888739
 Laman Web : www.pkb.edu.my
 Email : polikb@pkb.edu.my

Ruj. Kami: PKB/JSKK/600/01/002 Jld.2(37)
 Tarikh : 17 Jun 2025

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan/Puan,

PEMBAYARAN YURAN PENDAFTARAN KEAHLIAN PELAJAR MAJLIS SUKAN POLITEKNIK MALAYSIA SESI I 2025/2026

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pembayaran bayaran **yuran pendaftaran keahlian** dan juga **yuran bagi semester 1 Sesi I 2025/2026** hendaklah dibayar seperti kaedah yang dinyatakan:-

Pendaftaran : RM 10.00
 Semester 1 : RM 15.00
 Jumlah : **RM 25.00**
 Kaedah : **Pemindahan Atas Talian (Transfer Online)**
 Nama Bank : **Bank Islam Malaysia Berhad**
 No Akaun : **04033010039505**
 Jenis Akaun : **Akaun Semasa**

*** Sila nyatakan No Kad Pengenalan pelajar sebagai rujukan semasa membuat bayaran***

4. Pelajar hendaklah **mengisi Borang Keahlian Pelajar Majlis Sukan Politeknik Malaysia** dan **melampirkan resit bayaran bersama** kepada Jabatan Sukan, Kokurikulum dan Kebudayaan (JSKK) semasa **Minggu Transformasi Siswa**.

4. Kerjasama dari pihak Tuan/Puan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

"ISLAM MEMIMPIN, RAJA MENAUNGI, NEGERI BERKAT"

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(Ts. HAJI SAZAMI BIN SHAFI' I A.S.K)
 Ketua Jabatan Sukan, Kokurikulum dan Kebudayaan
 Politeknik Kota Bharu

s.k KJSKK, Fail JSKK



MSP_DAF- 001

**BORANG KEAHLIAN PELAJAR
(SEMESTER 1)
MAJLIS SUKAN POLITEKNIK MALAYSIA**

NAMA PELAJAR	
NO. KAD PENGENALAN	
NO. PENDAFTARAN	
PROGRAM	
SEMESTER	
SESI	
POLITEKNIK	
NO H/P	

Saya _____ No kad pengenalan _____ dengan
sesungguhnya bersetuju untuk menjadi ahli Majlis Sukan Politeknik Malaysia dan sedaya upaya akan mematuhi
segala peraturan serta undang-undang Majlis Sukan Politeknik Malaysia dan memberi sokongan terhadap
program yang dilaksanakan oleh Majlis Sukan Politeknik Malaysia seperti ketetapan berikut:

YURAN KEAHLIAN

PENDAFTARAN	RM 10.00
SEMESTER	RM 15.00
JUMLAH	RM 25.00
	- Bayaran boleh dibuat melalui Pindahan Wang sahaja (<i>EFT: Electronic Fund Transfer</i>) ke akaun Majlis Sukan Politeknik Malaysia Nama Bank : Bank Islam Malaysia Berhad No Akaun : 04033010039505 Jenis Akaun : Akaun Semasa - Sila nyatakan No Kad Pengenalan pelajar sebagai rujukan semasa membuat bayaran. - Sila kepilkan salinan slip pindahan wang sebagai bukti pembayaran.

Tandatangan

(NAMA : _____)

Tarikh :

**K O P E R A S I
POLITEKNIK KOTA BHARU BHD**

Km 24, Kok Lanas, 16450 Ketereh, Kelantan.

Tel : 09-7886060 Fax : 09-7886060

Email : koperasipkb@pkb.edu.my

Ruj. Kami :koop/dafpkb/01

Tarikh :24 Jun 2025

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan /Puan

**BAYARAN KEPERLUAN PELAJAR BAHARU SESI 1: 2025/2026 KE AKAUN
KOPERASI POLITEKNIK KOTA BHARU BERHAD**

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak koperasi akan menyediakan beberapa kelengkapan keperluan pelajar baharu bagi Sesi 1: 2025/2026 berjumlah RM300.00 (Rujuk Lampiran 1). Bayaran ini perlu dibayar seperti kaedah yang berikut:

Kaedah : Pemindahan Atas Talian (*Transfer Online*)
Nama Bank : Bank Mualamat
No Akaun : 03030000070718
Nama : Koperasi Politeknik Kota Bharu Bhd

3. Pelajar perlu meletakkan Nombor Kad Pengenalan pelajar sebagai rujukan bagi memudahkan pihak kami membuat semakan pembayaran dan membawa resit bayaran pada hari pendaftaran.

4. Kerjasama dari pihak tuan/puan amat kami hargai dan dahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

Saya yang menjalankan amanah,


.....
(JULI SUZLIN BINTI JALALUDDIN)
Pengerusi
Koperasi Politeknik Kota Bharu Bhd

KOPERASI POLITEKNIK KOTA BHARU BHD
Kok Lanas 16450 Ketereh
Kelantan
Tel : 09-7886060

LAMPIRAN 1

SENARAI KEPERLUAN PELAJAR BAHARU SESI 1: 2025/2026

BIL	SENARAI KEPERLUAN	JUMLAH (RM)	KAEDAH BAYARAN
1	i) Kad Pelajar ii) Lanyard & <i>card holder</i> iii) T-Shirt berkolar Politeknik Kota Bharu iv) T-Shirt berkolar POLYCC v) Baju bengkel (Kejuruteraan) @ baju korporat (Perdagangan) vi) Saham Koperasi vii) Insuran Berkelompok Setahun iv) Pesegaran Minggu Transformasi Siswa (3 hari : Sarapan pagi, makan tengahari, makan malam dan minum malam)	RM300.00	1. Transfer online / CDM : No akaun : 03030000070718 Nama Bank : Bank Muallamat (Koperasi Politeknik Kota Bharu Berhad) ** Cetak slip transaksi bukti bayaran dan serah di kaunter koperasi pada hari lapor diri 2. Bayaran tunai semasa hari lapor diri



**Bahagian Ambilan dan Pembangunan Pelajar,
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti,
Kementerian Pengajian Tinggi.**
Ara 6, Galeria PJH,
Jalan P4W, Persiaran Perdana,
Presint 4, 62100 Putrajaya
Tel: 03 8888 3837 Faks: 03 8888 2111
ambilan.mypolycc.edu.my